

**KEPIMPINAN ISLAM GURU BESAR DAN
HUBUNGANNYA DENGAN ILTIZAM GURU DI SK
DAN SARS**

oleh

ROSLAN BIN YUSOF

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Kedoktoran**

MAC 2016

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syukur yang tidak terhingga ke hadrat Ilahi kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menyiapkan tesis yang amat bermakna dan amat bernilai ini. Doa dan sokongan padu daripada ibu bapa kedua-dua belah pihak, anak dan isteri amatlah saya hargai dan sanjungi. Seterusnya semoga Allah merahmati Penyelia Utama Profesor Madya Dr.Nordin Bin Abdul Razak atas ilmu yang dicurahkan dan memberikan merit atas pengorbanan yang dilakukan.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada pihak lain yang terlibat secara langsung iaitu Dr. Nik Rosila Bt. Nik Yaacob, rakan-rakan karib Profesor Madya Dr.Nordin Bin Abdul Razak, semua pensyarah dan staf di PPIP USM, IPS USM, perpustakaan USM Induk, semua pensyarah dan guru yang terlibat sebagai penilai, Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (BPPDP), Jabatan Pendidikan Negeri bagi Pulau Pinang, Kedah, Perlis, dan Perak; Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri (JHEAIN) bagi Pulau Pinang, Kedah, Perlis, dan Perak, semua guru besar SK dan SARS serta guru-guru yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Seterusnya ribuan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang telah terlibat secara tidak langsung dalam kajian ini.

Semoga tesis ini akan memberi manfaat kepada sesiapa sahaja yang membaca dan mengamalkannya. Sekian, Wassalam.

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI ISTILAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xx
ABSTRAK	xxi
ABSTRACT	xxiii

BAB 1 - PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Penyataan Masalah	9
1.4	Tujuan dan Objektif Kajian	13
1.5	Soalan Kajian	14
1.6	Hipotesis Kajian	15
1.7	Kepentingan Kajian	16
1.8	Limitasi Kajian	18
1.9	Definisi Istilah dan Operasional	20
1.9.1	Sekolah	20

1.9.2	Iltizam	20
1.9.3	Kepimpinan Islam	22
1.9.4	Dimensi Kepimpinan Islam	23
1.10	Rumusan	24

BAB 2 - TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	26
2.2	Konsep Pemimpin dan Kepimpinan dari Perspektif Barat	26
2.3	Konsep Pemimpin dan Kepimpinan dari Perspektif Islam	29
2.4	Asas Kepimpinan Islam	40
2.4.1	Iman	40
2.4.2	Islam	41
2.4.3	Taqwa	42
2.4.4	Ihsan	43
2.5	Konsepsi Kepimpinan Islam	45
2.5.1	Konsep Kepimpinan Islam al-Mawardi (1996)	45
2.5.2	Konsep Kepimpinan Islam al-Ghazali (1964)	51
2.5.3	Konsep Kepimpinan Islam Ibn Taimiyah (1977)	57
2.5.4	Konsep Kepimpinan Islam Ibn Khaldun (1980)	64
2.5.5	Konsep Kepimpinan Islam oleh Anisuzzaman dan Majumder (1996)	69
2.5.6	Konsep Kepimpinan Islam oleh Beekun dan Badawi (1999)	74
2.5.7	Konsep Kepimpinan Islam oleh Syed Muhammad Naquib dan Wan Mohd Nor (2007)	81
2.5.8	Konsep Kepimpinan Islam oleh Ali (2009)	85

2.5.9	Mengkonsepsi Dimensi Kepimpinan Islam	86
2.6	Konsep Iltizam Menurut Islam dan Barat	102
2.7	Konsep Iltizam Guru Menurut Islam dan Barat	112
2.7.1	Dimensi Iltizam Guru kepada Sekolah Menurut Islam dan Barat	116
2.7.2	Dimensi Iltizam Guru kepada Murid Menurut Islam dan Barat	117
2.7.3	Dimensi Iltizam Guru kepada Tugas Mengajar Menurut Islam dan Barat	120
2.7.4	Dimensi Iltizam Guru kepada Profesion Menurut Islam dan Barat	122
2.8	Kepentingan Iltizam	124
2.9	Kajian tentang Iltizam dan Faktor Pengaruhi	125
2.10	Hubungan antara Kepimpinan dan Iltizam	128
2.11	Kerangka Konseptual Kajian	132
2.12	Rumusan	135

BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	136
3.2	Reka Bentuk Kajian	136
3.3	Populasi Kajian	137
3.3.1	Populasi Sasaran	138
3.3.2	Saiz Sampel Kajian	139
	3.3.2 (a) Saiz Sampel Sekolah	140
	3.3.2 (b) Saiz Sampel Guru	140
3.4	Instrumen Kajian	143
3.4.1	Instrumen Kepimpinan Islam Guru Besar	144

3.4.2	Instrumen Iltizam Guru	146
3.5	Kesahan Kandungan Instrumen	147
3.6	Analisis Faktor Eksploratori (EFA) Kajian Rintis	149
3.6.1	Keputusan Analisis Faktor Eksploratori (EFA) Instrumen Kepimpinan Islam	150
3.6.2	Keputusan Analisis Faktor Eksploratori Instrumen Iltizam Guru	154
3.7	Prosedur Pengumpulan Data untuk Kajian Sebenar dan Rintis	157
3.8	Prosedur Analisis Data Kajian Sebenar	158
3.9	Rumusan	160

BAB 4 - PENENTUSAHAN INSTRUMEN

4.1	Pengenalan	161
4.2	Analisis Model Pengukuran Setiap Dimensi dalam Kepimpinan Islam dan Iltizam Guru	161
4.2.1	Model Pengukuran bagi Setiap Sub-Konstruk Kepimpinan Islam	162
4.2.2	Model Pengukuran bagi Setiap Sub-Konstruk Iltizam Guru	165
4.3	Analisis Faktor Konfirmatori (CFA) untuk Kepimpinan Islam dan Iltizam Guru	167
4.3.1	CFA bagi Konstruk Kepimpinan Islam	169
4.3.2	CFA bagi Konstruk Iltizam Guru	173
4.3.3	Rumusan	176
4.4	Penyediaan Data: Pengujian Andaian Statistik	177
4.4.1	<i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> bagi Dimensi Kepimpinan Islam	178
4.4.2	<i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> bagi Dimensi Iltizam Guru	179
4.4.3	<i>Outlier</i> Dimensi Kepimpinan Islam	179

4.4.4	<i>Outlier</i> Dimensi Iltizam Guru	180
4.4.5	Matriks Korelasi dalam Kalangan Dimensi Kepimpinan Islam terhadap Iltizam Guru	180
4.5	Rumusan	182

BAB 5 - DAPATAN KAJIAN

5.1	Pendahuluan	183
5.2	Dimensi Kepimpinan Islam dan Iltizam dari Perspektif Guru	183
5.2.1	Kepimpinan Islam dari Perspektif Guru	184
5.2.2	Iltizam Guru dari Perspektif Guru	185
5.3	Perbezaan Dimensi Kepimpinan Islam antara SK dan SARS	187
5.4	Perbezaan Dimensi Iltizam Guru antara SK dan SARS	189
5.5	Korelasi antara Variabel Utama Kajian	190
5.6	Penerangan Model Persamaan Struktural	192
5.6.1	Penilaian Model Persamaan Struktural	193
5.6.2	Model Pengukuran	193
5.6.2 (a)	Kesahan Konstruk Kepimpinan Islam dan Iltizam Guru di SK	194
5.6.2 (b)	Kesahan Konstruk Kepimpinan Islam dan Iltizam Guru di SARS	195
5.6.3	Model Persamaan Struktural Kepimpinan Islam dan Iltizam Guru di SK dan SARS	196
5.7	Rumusan	200

BAB 6 - PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	201
6.2	Ringkasan Kajian	202
6.3	Perbincangan Dapatan Kajian	204
6.3.1	Perbincangan tentang Model Kepimpinan Islam	204
6.3.2	Perbincangan tentang Iltizam Guru	208
6.3.3	Perbezaan antara Amalan Dimensi Kepimpinan Islam di SK dan SARS	209
6.3.4	Perbezaan antara Amalan Iltizam Guru di SK dan SARS	209
6.3.5	Perbincangan tentang Model Persamaan Struktural (SEM) Kepimpinan Islam dan Iltizam Guru di SK dan SARS	210
6.4	Implikasi Kajian	211
6.4.1	Implikasi terhadap Pengukuran Kepimpinan Islam	211
6.4.2	Implikasi terhadap Amalan di Sekolah	212
6.4.3	Implikasi terhadap Polisi Pendidikan	213
6.5	Cadangan Kajian Akan Datang	214
6.6	Kesimpulan	216

BIBLIOGRAFI	218
--------------------	-----

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	Muka Surat
Jadual 2.1 Dimensi Kepimpinan Islam Berdasarkan Konsep-Konsep Kepimpinan Islam	87
Jadual 2.2 Konseptual Dimensi Kepimpinan Islam (2011)	101
Jadual 3.1 Populasi Sasaran Kajian	139
Jadual 3.2 Dimensi Kepimpinan Islam Guru Besar	145
Jadual 3.3 Dimensi Iltizam Guru	146
Jadual 3.4 Ciri-ciri Demografi Penilai	148
Jadual 3.5 Ciri-ciri Demografi Responden Kajian Rintis	149
Jadual 3.6 Keputusan Analisis Faktor Eksploratori bagi Konstruk Kepimpinan Islam	154
Jadual 3.7 Keputusan Analisis Faktor Eksploratori bagi Konstruk Iltizam Guru	156
Jadual 3.8 Prosedur Analisis Data Kajian Sebenar	160
Jadual 4.1 Nilai-nilai GoF	162
Jadual 4.2 GoF Model Pengukuran Sub-Konstruk Kepimpinan Islam	164
Jadual 4.3 GoF Model Pengukuran Sub-Konstruk Iltizam Guru	167
Jadual 4.4 Kesahan Menumpu Model CFA Kepimpinan Islam	171
Jadual 4.5 Kesahan Diskriminan model CFA untuk Kepimpinan Islam	172
Jadual 4.6 GoF Model CFA untuk Kepimpinan Islam	172
Jadual 4.7 Kesahan Menumpu Model CFA Iltizam Guru	174
Jadual 4.8 Kesahan Diskriminan Model CFA untuk Iltizam Guru	175
Jadual 4.9 GoF Model CFA untuk Iltizam Guru	175

Jadual 4.10	Skewness dan Kurtosis bagi Dimensi Kepimpinan Islam (N=800)	178
Jadual 4.11	Skewness dan Kurtosis bagi Dimensi Iltizam Guru(N=800)	179
Jadual 4.12	Outlier Dimensi Kepimpinan Islam (N=800)	180
Jadual 4.13	Outlier Iltizam Guru (N=800)	180
Jadual 4.14	Matriks Korelasi Kalangan Dimensi Kepimpinan Islam terhadap Iltizam Guru	182
Jadual 5.1	Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Kepimpinan Islam dari Perspektif Guru	184
Jadual 5.2	Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Iltizam Guru dari Perspektif Guru	186
Jadual 5.3	Skor Min , Ujian <i>Levene's</i> , dan Ujian $-t$ Sampel Bebas untuk Dimensi Kepimpinan Islam (N=800)	188
Jadual 5.4	Skor Min , Ujian <i>Levene's</i> , dan Ujian $-t$ Sampel Bebas untuk Dimensi Iltizam Guru (N=800)	189
Jadual 5.5	Keputusan Korelasi Pearson antara Dimensi Kepimpinan Islam dan Iltizam Guru di SK dan SARS (N=800)	190
Jadual 5.6	Model Pengukuran Kepimpinan Islam dan Iltizam Guru di SK	194
Jadual 5.7	Model Pengukuran Kepimpinan Islam dan Iltizam Guru di SARS	195
Jadual 5.8	Keserasian Model 1 (Model Persamaan Struktural di SK)	198
Jadual 5.9	Keserasian Model 2 (Model Persamaan Struktural di SARS)	199

SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah 2.1 Asas Kepimpinan Islam, Hubungannya dengan Pemimpin dan Allah	44
Rajah 2.2 Kerangka Konseptual Kajian Dimensi Kepimpinan Islam Guru Besar dan Hubungannya dengan Iltizam Guru	133
Rajah 3.1 Reka Bentuk Sampel Kajian	142
Rajah 4.1 Keputusan Model Pengukuran Setiap Dimensi Kepimpinan Islam (WWS)	164
Rajah 4.2 Keputusan Model Pengukuran Setiap Dimensi Kepimpinan Islam (IHS)	164
Rajah 4.3 Keputusan Model Pengukuran Setiap Dimensi Kepimpinan Islam (MUS)	164
Rajah 4.4 Keputusan Model Pengukuran Setiap Dimensi Kepimpinan Islam (MUD)	164
Rajah 4.5 Keputusan Model Pengukuran Setiap Dimensi Kepimpinan Islam (ADL)	164
Rajah 4.6 Keputusan Model Pengukuran Setiap Dimensi Kepimpinan Islam (INT)	164
Rajah 4.7 Keputusan Model Pengukuran Setiap Sub-Konstruk Iltizam Guru (IKT)	166
Rajah 4.8 Keputusan Model Pengukuran Setiap Sub-Konstruk Iltizam Guru (IKS)	166
Rajah 4.9 Keputusan Model Pengukuran Setiap Sub-Konstruk Iltizam Guru (IKM)	166
Rajah 4.10 Keputusan Model Pengukuran Setiap Sub-Konstruk Iltizam Guru (IKP)	166
Rajah 4.11 Model <i>CFA</i> Konstruk Kepimpinan Islam	170
Rajah 4.12 Model <i>CFA</i> Konstruk Iltizam Guru	173
Rajah 5.1 Perbandingan Nilai Min bagi Kepimpinan Islam dari Perspektif Guru antara SK dan SARS	185

Rajah 5.2	Perbandingan Nilai Min bagi Iltizam Guru dari Perspektif Guru antara SK dan SARS	187
Rajah 5.3	Model Persamaan Struktural: Hubungan antara Konstruk Kepimpinan Islam dan Iltizam Guru	192
Rajah 5.4	Hubungan antara Konstruk Kepimpinan Islam dan Iltizam Guru di SK	197
Rajah 5.5	Hubungan antara Konstruk Kepimpinan Islam dan Iltizam Guru di SARS	198

SENARAI ISTILAH

Muka Surat

1.1	Model Kepimpinan Islam	1
1.2	Dikonsepsi	1
1.3	Empirikal	1
1.4	Iltizam	2
1.5	Bertawakal	2
1.6	Bertaqwa	2
1.7	Dimensi	2
1.8	Rasul	3
1.9	Nabi	3
1.10	Komitmen	4
1.11	Multidimensi	6
1.12	Konstruk	7
1.13	Khulafa Ar-Rasyidin	10
1.14	Kepimpinan Rabbani	11
1.15	Instrumen	14
1.16	Iltizam Guru dari Segi Operasionalnya	21
1.17	Kepimpinan Islam dalam Kajian Ini	22
1.18	Dimensi Kepimpinan Islam Secara Operasional	23
1.19	Hubungan dengan Allah	33
1.20	Hubungan dengan Manusia	33
1.21	Amar Makruf	33
1.22	Nahi Mungkar	33
1.23	Asas Kepimpinan Islam	40

1.24	Perasaan Kelompok	67
1.25	Cross-Sectional	137
1.26	Kesan Reka Bentuk	139
1.27	Probability Proportionate to School Size	143
1.28	Prosedur Pemilihan Bertujuan	143
1.29	Inter Rater Reliability	148
1.30	Exploratory Factor Analysis	149
1.31	Statistical Packages for the Social Sciences	150
1.32	Principal Component Analysis	150
1.33	Nilai KMO & Bartlett's Test of Sphericity	150
1.34	Total Variance Explained	150
1.35	Data Screening	158
1.36	Missing Value	158
1.37	Estimation Maximization	158
1.38	Skewness & Kurtosis	158
1.39	Analisis Deskriptif	158
1.40	Analisis Inferensi	158
1.41	Confirmatory Factor Analysis	159
1.42	Structural Equation Modeling	159
1.43	Factor Loading	159
1.44	Average Variance Extracted	159
1.45	Average Variance Extracted Square Root	159
1.46	Construct Reliability	159
1.47	Kesahan Menumpu	159
1.48	Kesahan Diskriminan	159

1.49	Normaliti	161
1.50	Outlier	161
1.51	Model Pengukuran	161
1.52	Goodness-of-Fit	162
1.53	Chi-square Index	162
1.54	Goodness-of-Fit Index	162
1.55	Comparative Fit Index	162
1.56	Indeks Tucker Lewis	162
1.57	Root Mean Square Error of Approximation	162
1.58	Darjah Kebebasan	162
1.59	Paras Signifikan	164
1.60	Incremental Fit Indices	169
1.61	Absolute Fit Measures	169
1.62	Multikolineariti	177
1.63	Original Mean	177
1.64	Trimmed Mean	177
1.65	Tolerance	181
1.66	Nilai Min	184
1.67	Sisihan Piawai	184
1.68	Ujian Levene's	188
1.69	Ujian-t Sampel Bebas	188
1.70	Kesamaan Varians Diandaikan	188
1.71	Kesamaan Varians Tidak Diandaikan	188
1.72	Signifikan	188
1.73	Nilai Pekali Korelasi Pearson	190

1.74	Nilai Alpha Cronbach	194
1.75	Latent Variable	197
1.76	Manifest Variable	197

SENARAI SINGKATAN

	Muka Surat
1.1 SK	2
1.2 SARS	2
1.3 GLOBE	10
1.4 SRK	18
1.5 SKK	18
1.6 SKA	18
1.7 BPPDP	18
1.8 ICLIF	19
1.9 JHEAIN	138
1.10 deff	139
1.11 ICC	139
1.12 p (roh)	139
1.13 PPS	143
1.14 ISDEV	147
1.15 USM	148
1.16 PPIP	148
1.17 IRR	148
1.18 EFA	149
1.19 SPSS	150
1.20 PCA	150
1.21 WWS	151
1.22 IHS	152
1.23 MUS, MUD, ADL	152

1.24	INT	153
1.25	IKT	154
1.26	IKS, IKM, IKP	155
1.27	JHEAINP, JHEAINK, JHEAINPP, JHEAINPk	157
1.28	EM	158
1.29	CFA	159
1.30	SEM	159
1.31	AVE	159
1.32	CR	159
1.33	$(\sqrt{AVE})$	159
1.34	GoF	162
1.35	(χ^2)	162
1.36	(χ^2/df)	162
1.37	GFI	162
1.38	CFI	162
1.39	TLI	162
1.40	RMSEA	162
1.41	df	162
1.42	p	164
1.43	T	181
1.44	VIF	181
1.45	r^2	181
1.46	M	184
1.47	SD	184
1.48	Sig.	188

1.49	(r)	190
1.50	α	194

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Soal Selidik Kajian Rintis Dimensi Kepimpinan Islam
Lampiran AA	Keputusan EFA Dimensi Kepimpinan Islam
Lampiran AB	Soal Selidik Kajian Sebenar Dimensi Kepimpinan Islam
Lampiran AC	Bilangan Item Kekal Berdasarkan Keputusan Model Pengukuran untuk Dimensi Kepimpinan Islam
Lampiran B	Soal Selidik Kajian Rintis Dimensi Iltizam Guru
Lampiran BA	Keputusan EFA Dimensi Iltizam Guru
Lampiran BB	Soal Selidik Kajian Sebenar Dimensi Iltizam Guru
Lampiran BC	Bilangan Item Kekal Berdasarkan Keputusan Model Pengukuran untuk Dimensi Iltizam Guru

KEPIMPINAN ISLAM GURU BESAR DAN HUBUNGANNYA DENGAN ILTIZAM GURU DI SK DAN SARS

ABSTRAK

Kajian ini mempunyai tiga tujuan utama, iaitu untuk mengkonsepsi, menentusah item dan instrumen yang dibina untuk mengukur kepimpinan Islam dan iltizam guru di SK dan SARS; membandingkan amalan dimensi kepimpinan Islam guru besar di SK dan SARS serta mengkaji amalan iltizam guru di kedua-dua jenis sekolah berkenaan, dan mengkaji perhubungan antara kepimpinan Islam dalam kalangan guru besar di SK dan SARS dengan iltizam guru di SK dan SARS. Berasaskan kepada tinjauan literatur, kepimpinan Islam dikonsepsikan dan ditentukan terdiri daripada enam dimensi iaitu: (i) adil (ADL); (ii) ihsan (IHS); (iii) integriti (INT); (iv) muhasabah diri (MUD); (v) musyawarah (MUS); dan (vi) wawasan (WWS). Sementara itu, iltizam guru pula merujuk kepada empat dimensi iaitu: (i) iltizam guru kepada sekolah (IKS); (ii) iltizam guru kepada murid (IKM); (iii) iltizam guru kepada tugas mengajar (IKT); dan iltizam guru kepada profesion (IKP). Satu soal selidik telah dibina dan ditentukan melalui kaji rintis yang ditadbirkan kepada 300 orang responden. Dalam kajian sebenar, seramai 800 responden kalangan guru SK dan SARS di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan Perak telah terlibat. Penentuan instrumen melibatkan analisis yang ketat dimulai dengan analisis faktor eksploratori menggunakan perisian SPSS versi 20 dan analisis faktor konfirmatori (*confirmatory factor analysis*) menggunakan perisian AMOS versi 18 menunjukkan bukti kesahan konstruk dan kebolehpercayaan yang tinggi. Seterusnya analisis statistik deskriptif iaitu min dan sisihan piawai, serta analisis statistik inferensi iaitu ujian-t sampel bebas digunakan untuk mengkaji perbezaan amalan kepimpinan Islam dan iltizam guru di SK dan SARS. Dapatan kajian

menunjukkan bahawa kebanyakan dimensi kepimpinan Islam adalah lebih tinggi diamalkan di SK berbanding di SARS. Dapatan juga menunjukkan bahawa kebanyakan dimensi iltizam guru adalah lebih tinggi di SK berbanding di SARS. Ujian-t sampel bebas bagi dimensi kepimpinan Islam menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi WWS, IHS, MUS, dan INT antara SK dan SARS. Manakala bagi dimensi MUD dan ADL, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara SK dan SARS. Ujian-t sampel bebas bagi iltizam guru pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi IKT dan IKP di SK dan SARS tidak bagi IKS dan IKM. Dari segi hubungan antara kepimpinan Islam dan iltizam guru di SK dan SARS, analisis korelasi Pearson yang dijalankan menunjukkan bahawa kebanyakan hubungan adalah sederhana dan kuat, signifikan dan positif. Keputusan *SEM* pula menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan antara kepimpinan Islam dan iltizam guru bagi SK dan SARS. Walau bagaimanapun, kepimpinan Islam guru besar di SK menyumbang 53 peratus varians ke atas iltizam guru berbanding hanya 30 peratus varians ke atas iltizam guru di SARS. Kajian ini seterusnya membincangkan implikasi terhadap Pengukuran Kepimpinan Islam, amalan di sekolah, dan implikasi terhadap polisi pendidikan. Dari segi Pengukuran Kepimpinan Islam, kajian ini melibatkan pengkonsepsian yang mantap, diikuti proses penentusahan yang komprehensif. Kajian ini seterusnya memberikan implikasi terhadap amalan di sekolah khususnya dalam melihat peranan guru besar beragama Islam untuk meningkatkan iltizam guru. Dari segi polisi pendidikan pula, kedua-dua instrumen kepimpinan Islam dan iltizam guru dalam kajian ini dapat digunakan untuk menggubal dasar-dasar dalam sistem pendidikan negara ke arah meningkatkan martabat Islam di negara ini.

THE RELATIONSHIP BETWEEN ISLAMIC LEADERSHIP OF HEADMASTERS AND TEACHERS' COMMITMENT AT SK AND SARS

ABSTRACT

This study aims to meet three main objectives: to conceptualise and validate items and instruments which have been developed to measure Islamic leadership and teachers' commitment in SK and SARS; to compare the dimensions of Islamic leadership practices among Headmasters in SK and SARS and teachers' commitment practices in both types of schools concerned and; to examine the relationship between Islamic leadership amongst Headmasters in SK and SARS and teachers' commitment in SK and SARS. Based on the literature review, Islamic leadership has been conceptualised as the following 6 dimensions, namely; (i) fairness (ADL); (ii) benevolence (IHS); (iii) integrity (INT); (iv) introspection (MUD); (v) conference (MUS); and (vi) vision (WWS). Meanwhile, teachers' commitment refers to 4 dimensions of: (i) teachers' commitment to school (IKS); (ii) teachers' commitment to students (IKM); (iii) teachers' commitment to teaching (IKT); and (iv) teachers' commitment to profession (IKP). A questionnaire was developed, validated, and administered to 300 respondents to get their insights on Islamic leadership and teachers' commitment. The study involved teachers in SK and SARS, from the states of Perlis, Kedah, Pulau Pinang, and Perak. The validation instrument involved a stringent analysis. It began with an exploratory factor analysis using SPSS software version 20 and confirmatory factor analysis using AMOS software version 18. The descriptive statistics analysis, such as mean and standard deviation, and inferential statistics analysis such as independent-samples t-test were applied to study the difference between Islamic leadership practices and teachers' commitment in SK and

SARS. The findings revealed that most of the Islamic leadership dimensions are significantly practised in SK compared to SARS. The independent-samples t-test for Islamic leadership dimensions between SK and SARS showed a significant difference for WWS, IHS, MUS and INT. However, there was no significant difference between SK and SARS in the MUD and ADL dimensions. The independent-samples t-test for teachers' commitment between SK and SARS showed a significant difference for only IKT and IKP but not for IKS and IKM dimensions. The Pearson correlation analysis for the relationship between Islamic leadership and teachers' commitment in SK and SARS indicated that most of the relationships are moderate, and strong as well as significant, and positive. Additionally, the results of confirmatory factor analysis in SEM showed a positive and significant result for the relationship between Islamic leadership and teachers' commitment in SK and SARS. Islamic leadership of Headmasters in SK can explain 53 percent of the variance in teachers' commitment, however, only 30 percent of the variance in teachers' commitment is explained by Islamic leadership of Headmasters in SARS. This study contributes to Islamic leadership measurement, practices in school, and education policy. From the Islamic leadership measurement, this study involves a strong conceptualisation followed by a comprehensive validation process. This study further provides implications for practices in schools especially in looking at Muslim Headmasters' roles in strengthening teachers' commitment. From the aspect of the education policy, both Islamic leadership and teachers' commitment instruments can be used to legislate policies in education system and raise the prestige of Islam in the country.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kecemerlangan sesebuah organisasi dipercayai dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya ialah kepimpinan dalam organisasi tersebut. Kepimpinan merupakan faktor yang paling berkesan dalam membangunkan sumber manusia dalam sesebuah organisasi (Bennis & Nanus, 2003) dan paling penting dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi (al-Harran, 2004). Kepimpinan juga mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap pelbagai aspek dalam organisasi seperti keberkesanan organisasi (Bass, 1999; Stogdill, 1974; Yukl, 2002); budaya organisasi (Bennis & Townsend, 2005); dan kepada hasil pengikut atau pekerja (House, 1996; Juhaizi, 2011; Meyer & Allen, 1997; Omar & Azizi, 2002; Tabbodi, 2009; Yousef, 2000). Maka tidak menghairankan jika kepimpinan menjadi satu bidang pengajian yang begitu ekstensif dan pelbagai model serta teori kepimpinan telah dikemukakan seperti teori tingkahlaku, teori '*path-goal*', teori transformasional, transaksional, karismatik, dan spiritual. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian berkaitan kepimpinan berdasarkan konteks atau budaya Barat (Yukl, 1998; Yukl, 2002) dan kebanyakan teori berkaitan kepimpinan juga dibangunkan oleh sarjana dan penyelidik Barat (Bass, 1985; Hofstede, 1993; House, 1995). Jarang sekali dapat dilihat satu kajian dan model kepimpinan Islam dikonsepsi dan dikaji secara empirikal (Aabed, 2006; Ali, 2005; Kazmi, 2006; Khaliq, 2009; Mohsen, 2007).

Selain kepimpinan, pengikut atau pekerja juga merupakan tonggak kepada kejayaan organisasi (Geijsel, Slegers, Leithwood & Jantzi, 2003; Juhaizi, 2011). Justeru, produktiviti pengikut atau pekerja selalu diberi perhatian dan perkara ini dipercayai bergantung kepada iltizam pengikut tersebut dalam melaksanakan tanggungjawabnya (Juhaizi, 2011; Sabariah, Juninah, Khaziyati & Salina, 2010; Syed-Ikhsan & Rowland, 2004). Menurut Khalil (2003), iltizam merupakan satu istilah yang bersifat Islamik dan dapat dikaitkan dengan maksud ikhlas, konsisten (*istiqamah*), taat, usaha bersungguh-sungguh (tekun dan sempurna) dalam melakukan sesuatu tugas atau pekerjaan, bertawakal kepada Allah, menghukum berpanduan undang-undang Allah, petunjuk (*taufik*) dan bertaqwa.

Dalam hal ini, iltizam menurut perspektif Islam dan hubungannya dengan model kepimpinan Islam yang dikonsepkan dalam kajian ini merupakan satu bidang yang sangat penting untuk dikaji. Kajian ini cuba keluar daripada tradisi kajian kepimpinan dan iltizam dari perspektif Barat dengan memberi fokus untuk mengkonsepkan dimensi kepimpinan Islam berasaskan kepada konsepsi cendekiawan Islam seperti al-Mawardi (1996), al-Ghazali (1964), Ibn Taimiyah (1977), Ibn Khaldun (1980), Anisuzzaman dan Majumder (1996), Beekun dan Badawi (1999), Syed Muhammad Naquib dan Wan Mohd Nor (2007) dan Ali (2009). Berasaskan konsepsi ini, kajian ini juga mengkaji amalan dimensi kepimpinan Islam dalam kalangan guru besar di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Agama Rakyat Swasta (SARS) serta hubungan dengan iltizam guru.

1.2 Latar Belakang Kajian

Iltizam dalam Islam dikaitkan dengan usaha yang bersungguh-sungguh, ikhlas, konsisten dan taat seseorang individu untuk mentaati perintah Allah dan sunnah Nabi Muhammad s.a.w (Khalil, 2003). Dalam Islam, al-Quran membuktikan bahawa iltizam merupakan ciri yang amat penting kepada para nabi dan rasul dalam menyebarkan agama Allah kepada umat masing-masing (Khalil, 2003). Allah berfirman bahawa:

“Dia telah mensyariatkan bagi kamu tentang agama apa yang telah diwasiatkan-Nya kepada Nuh dan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu dan apa yang telah Kami wasiatkan kepada Ibrahim, Musa, dan Isa, iaitu: Tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecah belah tentangnya. Amat berat bagi orang-orang musyrik agama yang kamu seru mereka kepadanya. Allah menarik kepada agama itu orang yang dikehendaki-Nya dan memberi petunjuk kepada (agama)-Nya orang yang kembali (kepada-Nya). (asy-Syuura, 42:13)

Menurut Ibnu Katsier (1994c), ayat berkenaan merujuk kepada perintah Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. agar baginda menegakkan agama Allah iaitu agama yang pernah diwahyukan oleh Allah kepada nabi-nabi sebelum baginda agar pengikut mereka beriman kepada Allah. Allah memerintahkan Nabi Muhammad s.a.w. agar bersungguh-sungguh menegakkan agama tersebut, bertawakal dan baginda diingatkan supaya tidak berputus asa sekiranya dakwah baginda tidak diterima. Dalam hal ini, Allahlah yang berkuasa memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakinya. Walaupun iltizam dalam ayat berkenaan memberi penekanan kepada rasul dan nabi atau lebih khusus kepada pemimpin namun pengikut juga perlu menghayatinya (Khalil, 2003).

Istilah iltizam ini mempunyai persamaan dengan konsep komitmen yang dinyatakan oleh sarjana Barat, misalnya Kanter (1968) mendefinisikan komitmen sebagai proses yang mendorong seseorang itu untuk memikul tanggungjawab terhadap organisasinya. Mathieu dan Zajac (1990) pula mendefinisikan komitmen sebagai tahap penglibatan individu dalam organisasi yang diceburi. Komitmen juga didefinisikan sebagai perasaan cintakan organisasi (Mowday, Steers, & Porter, 1979) manakala Raju dan Srivastava (1994) menghubungkan pekerja yang komited dengan kesanggupan seseorang untuk terus melibatkan diri dalam organisasi dan menumpukan usaha ke arah mencapai matlamat organisasi. Berdasarkan definisi yang diberikan, dapat dirumuskan bahawa iltizam dan komitmen mempunyai persamaan dan hanya berbeza dari segi matlamat akhirnya. Hal ini kerana matlamat akhir iltizam seseorang muslim adalah untuk mendapat keredaan Allah sedangkan komitmen pula adalah untuk organisasi semata-mata. Justeru, kajian-kajian Barat digunakan untuk menjelaskan istilah komitmen sebagai timbal balik kepada iltizam kerana kajian-kajian empirikal berkaitan tentang iltizam dari perspektif Islam agak kurang dijalankan berbanding masyarakat Barat yang mengkaji komitmen secara meluas baik dalam organisasi bukan pendidikan mahupun di sekolah secara khususnya.

Mowday et al. (1979) menyatakan bahawa terdapat tiga ciri yang mengesahkan seseorang itu mempunyai komitmen, iaitu: (a) sangat percaya dan menerima matlamat serta nilai organisasi; (b) kesanggupan melaksanakan sesuatu pekerjaan untuk organisasi, dan (c) meletakkan hasrat yang tinggi untuk kekal sebagai ahli dalam organisasi tersebut. Kajian juga menunjukkan bahawa pekerja yang mempunyai iltizam akan mempamerkan tahap yang berbeza dari segi hasilan organisasi dan individu misalnya kepuasan kerja, prestasi kerja, ketidakhadiran, dan

hasrat untuk kekal atau meninggalkan organisasi tersebut (Meyer & Allen, 1997; Omar & Azizi, 2002; Yousef, 2000).

Selain itu, kepentingan iltizam juga turut diberi perhatian yang serius dalam dunia pendidikan (Huberman, 1993). Menurut Huberman (1993), iltizam guru merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi kejayaan sesebuah sekolah dan sistem pendidikan. Tsui dan Cheng (1999) menghubungkan iltizam guru dengan prestasi kerja dan kualiti guru. Sementara itu, Ackerman, Heafner dan Bartz (2006) pula menegaskan bahawa iltizam guru mempengaruhi pencapaian pelajar. Park (2005) pula berpendapat bahawa iltizam guru sangat penting untuk dikaji ketika ini memandangkan dunia pendidikan yang semakin mencabar. Menurut Thian Lai, Kee Luen dan Mian Hong (2011), guru yang mempunyai iltizam yang tinggi berupaya meningkatkan status sekolah daripada sekolah pada tahap lemah kepada yang cemerlang. Justeru, sesebuah sekolah amat memerlukan guru-guru yang mempunyai iltizam yang tinggi bagi mengatasi kesemua cabaran dan permintaan yang diajukan oleh pelbagai pihak yang berkepentingan.

Bagi Reyes (1990), guru yang mempunyai iltizam yang tinggi atau komited memiliki ciri-ciri peribadi yang positif, iaitu: (a) jarang datang lambat, bekerja kuat dan kurang bertukar ke tempat lain; (b) menumpukan perhatian kepada aktiviti kurikulum tambahan bagi mencapai visi sekolah; (c) menunjukkan prestasi kerja yang tinggi; (d) pencapaian pelajar mereka meningkat; (e) peningkatan prestasi pelajar dan guru; (f) bekerja ke arah matlamat sekolah; (g) mengutamakan kepentingan ahli; dan (h) berhasrat untuk terus bekerja dalam bidang keguruan. Maka iltizam guru di sesebuah sekolah dipercayai akan dapat memastikan kualiti pendidikan dapat dicapai (Nordin, Darmawan & Keeses, 2009).

Iltizam guru dipercayai boleh wujud dalam pelbagai bentuk atau jenis iaitu satu konstruk yang bersifat multidimensi. Guru boleh mempunyai iltizam kepada organisasi sekolah, murid, tugas mengajar dan profesion. Menurut Nordin, Darmawan dan Keeves (2010), iltizam guru terhadap organisasi sekolah bermaksud iltizam guru untuk membantu sekolah mencapai matlamatnya, berusaha melebihi sasaran minima dan ingin terus bekerja dengan organisasi tersebut.

Sementara itu, iltizam guru terhadap murid bermaksud guru yang optimistik terhadap kemampuan setiap murid untuk belajar dan sentiasa berusaha membantu meningkatkan pencapaian akademik semua murid khususnya murid yang lemah tanpa melihat kepada masalah akademik atau latar belakang sosial mereka (Kushman, 1992; Nordin, 2008). Seterusnya Nordin et al. (2010) mendefinisikan iltizam guru terhadap tugas sebagai guru yang begitu komited dengan pengajarannya atau suka mengajar. Manakala iltizam guru terhadap profesion pula bermaksud perasaan suka bekerja sebagai seorang guru disebabkan ciri-ciri peribadi yang ada pada diri dan kepuasan yang diperoleh daripada profesion berkenaan (Somech & Bogler, 2002).

Park (2005) dan Nordin et al. (2010) menegaskan tentang keperluan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi iltizam guru memandangkan kajian secara empirikal tentang aspek ini masih kurang. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi iltizam guru (Raju & Srivastava, 1994). Raju dan Srivastava (1994) telah membahagikan faktor tersebut kepada lima jenis, iaitu: (a) profesion atau bidang pekerjaan yang berkait dengan personaliti diri; (b) ciri-ciri profesion itu sendiri; (c) kepuasan memilih profesion berkenaan; (d) kepuasan terhadap profesion; dan (e) keinginan untuk memantapkan sesuatu kemahiran.

Firestone dan Pennell (1993) pula merumuskan bahawa terdapat banyak faktor atau peramal yang mempengaruhi iltizam guru seperti latar belakang guru, ciri-ciri sekolah, kepimpinan sekolah, dan persekitaran kerja. Dalam hal ini, salah satu faktor yang paling penting dalam mempengaruhi iltizam guru ialah faktor kepimpinan. Hal ini diakui oleh penyelidik seperti Bennis dan Nanus (2003) yang berpendapat bahawa dalam mana-mana organisasi sama ada kerajaan atau swasta, faktor yang paling berkesan untuk meningkatkan iltizam pekerja ialah kepimpinan.

Hal ini kerana pemimpin mempunyai kemampuan dalam mewujudkan suasana bekerja yang ceria, menarik, kreatif dan menghargai pengikut yang akhirnya menimbulkan minat kepada mereka untuk terus bekerja (Bennis & Townsend, 2005). Perkara yang sama berlaku dalam dunia pendidikan apabila Katerynych (1994) mengakui bahawa pemimpin sekolah mempunyai peranan yang amat besar dalam meningkatkan motivasi, prestasi, dan iltizam guru serta staf. Justeru, kepimpinan merupakan satu konstruk yang sangat penting untuk dikaji.

Stogdill (1974) mendefinisikan kepimpinan sebagai usaha untuk menguruskan organisasi supaya dapat berinteraksi dan mencapai matlamat yang diharapkan. Kouzes dan Posner (1987) pula mentakrifkan kepimpinan sebagai seni yang mampu menggerakkan orang lain berusaha mencapai aspirasi yang dikongsi bersama. Menurut Kouzes dan Posner (1987), terdapat lima amalan asas yang mesti dilakukan oleh pemimpin iaitu sukakan cabaran, mengilhamkan visi bersama, memotivasikan pengikut untuk bertindak, membimbing, dan menjadi contoh kepada pengikut. Selain itu, Safi (1995) mendefinisikan kepimpinan sebagai kemampuan untuk menggerakkan sekumpulan orang untuk terus bekerjasama dalam merealisasikan matlamat yang telah diputuskan oleh mereka. Daft (2005) pula mendefinisikan

kepimpinan sebagai pengaruh hubungan antara pemimpin dan pengikut untuk melakukan perubahan sebenar berdasarkan persetujuan bersama.

Walau bagaimanapun, kebanyakan model kepimpinan dan kajian empirikal berkaitannya adalah diasaskan oleh pengkaji dan dilihat dari perspektif Barat (Dimmock & Walker, 2005; Khaliq, 2009) khususnya di Amerika Syarikat, Kanada dan Eropah Barat (Bass, 1997; Geijsel et al., 2003; Leithwood, Jantzi & Steinbach, 1999; Yukl, 1998). Sebagai contoh, Fry (2003) mengkaji tentang Kepimpinan Spiritual, Teori '*Path-Goal*' (House, 1971 & 1996; House & Mitchell, 1974), Teori Kepimpinan Karismatik (House, 1977; House & Shamir, 1993) serta Teori Kepimpinan Transformasional (Bass, 1985; Burns, 1978). Selain itu, kajian dari perspektif Barat menunjukkan bahawa kepimpinan transformasional mampu meningkatkan iltizam pengikut terhadap organisasi (Bass, 1985; Goodwin, Wofford & Whittington, 2001; Judge & Bono, 2000; Limsila & Ogunlana, 2008). Sementara itu, Fry (2003) dan Fry dan Matherly (2006) mengkaji perhubungan antara kepimpinan spiritual pemimpin dengan produktiviti dan iltizam organisasi. Dalam bidang pendidikan pula, Geijsel et al. (2003), Hussein dan da Costa (2008), Krishnan (2005), Ross dan Gray (2006) dan Yu, Leithwood dan Jantzi (2002) mengkaji kepimpinan transformasional pengetua terhadap iltizam guru di luar negara, manakala Abdul Ghani (2005) dan Lee Hwa (2008) telah mengkaji hubungan kepimpinan dengan iltizam guru di Malaysia.

Sebaliknya kepimpinan Islam adalah isu yang menarik untuk dikaji dan ciri-ciri kepimpinan ini merupakan amalan terbaik untuk dipraktikkan oleh masyarakat Islam memandangkan kepimpinan Islam bukanlah ciptaan manusia sebaliknya berasaskan kepada firman Allah dan disabdakan oleh Nabi Muhammad s.a.w (Muhammad

Yusuf, Syamsul Bahri & Mohd Radhi, 2002; Toor, 2008). Saranan supaya kepimpinan Islam dipraktikkan adalah sangat bersesuaian dengan langkah kerajaan Malaysia menerapkan nilai-nilai Islam di semua institusi kerajaan dengan memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran Kerajaan bermula tahun 1982 (Mohmad Shaid, 1994). Tujuannya adalah untuk menanamkan nilai-nilai Islam dalam diri setiap individu hinggalah ke peringkat institusi.

Selain itu kesedaran tentang nilai-nilai Islam semakin berkembang dalam kalangan penduduk di Malaysia khususnya dari segi sistem pentadbiran dan pengurusan dalam pelbagai organisasi seperti bidang perbankan dan kewangan, pendidikan tinggi, perundangan, perubatan, institusi kemasyarakatan dan dakwah (Fadzila, 2008) serta di peringkat sekolah (Hailan, 2010; Zarina, 2006). Malah menurut Mohd Daud (2005), pasaran saham dan pasaran unit amanah di Malaysia turut mengalami perubahan ke arah penerapan nilai-nilai Islam. Bagi Mohmad Shaid (1994), kejayaan pelaksanaan penerapan nilai-nilai Islam ini dalam mana-mana institusi sekali pun amat bergantung kepada pemimpin kerana pemimpinlah yang mempengaruhi pengikutnya. Justeru, Ali (2009) menegaskan bahawa model kepimpinan Islam sangat sesuai digunakan untuk mengkaji dan memahami masyarakat Islam khususnya untuk menguruskan organisasi pada abad ke-21 ini.

1.3 Penyataan Masalah

Kepimpinan ialah satu konsep yang penting dan paling banyak dikaji (Bass, 1990; Daft, 2005; Sidani, 2011). Kajian-kajian tentang kepimpinan bukan sahaja berkisar tentang ciri-ciri atau aspek-aspek kepimpinan tetapi juga berkaitan dengan kesan atau impak kepimpinan kepada organisasi dan individu dalam organisasi tersebut (Bogler,

2001; Hulpia, Devos & Keer, 2010; Koh, Steers & Terborg, 1995; Nguni, Slegers & Denessen, 2006).

Selain itu, satu kajian tentang kepimpinan merentasi budaya di 61 buah negara di dunia iaitu GLOBE atau '*The Global Leadership and Organizational Behavior Effectiveness*' masih menggunakan model kepimpinan Barat walaupun beberapa buah negara yang terlibat adalah negara yang majoriti penduduknya beragama Islam seperti Iran, Kuwait, Qatar dan Turki (Kabasakal & Dastmalchian, 2001), Jordan (Abu Tineh, Khasawneh & Al-Omari, 2008), Lebanon (Yahchouchi, 2009) dan Emiriah Arab Bersatu (Yousef, 2000).

Sebenarnya, konsep dan ciri kepimpinan Islam telah wujud sekian lama iaitu sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan zaman Khulafa Ar Rasyidin lagi (Kalantari, 2005) namun kajian empirikal yang berkaitan dengannya masih kurang diketengahkan dan kurang dikenali (Aabed, 2006; Ali, 2005; Kazmi, 2006; Khaliq, 2009; Mohsen, 2007). Terdapat beberapa cendekiawan Islam telah cuba membincangkan aspek kepimpinan Islam seperti al-Mawardi (1996), al-Ghazali (1964), Ibn Taimiyah (1977), Ibn Khaldun (1980), Anisuzzaman dan Majumder (1996), Beekun dan Badawi (1999), Syed Muhammad Naquib dan Wan Mohd Nor (2007) dan Ali (2009) namun usaha ini tidak diteruskan untuk penyelidikan secara empirikal. Walaupun ada kajian yang dijalankan secara empirikal oleh Khadra (1990), Mohsen (2007), Mohtsham (2007), Toor (2008), Khaliq dan Fontaine (2011), Khaliq dan Ogunsola (2011), namun kajian mereka amat berbeza dengan kajian ini kerana mereka tidak melihat kepada hubungan kepimpinan dengan iltizam pengikut di sekolah. Sebaliknya kajian Khadra (1990) melihat konsep kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w. dan Khalifah, Mohsen (2007) melihat konsep kepimpinan Islam

dalam perniagaan, Mohtsham (2007) melihat peranan wawasan daripada perspektif Islam, Toor (2008) melihat pembinaan teori kepimpinan Islam, manakala Khaliq dan Fontaine (2011) serta Khaliq dan Ogunsola (2011) melihat kepimpinan Islam dalam kalangan pentadbir akademik di Universiti Islam Antarabangsa.

Antara pengkaji yang cuba melihat kepada kepimpinan Islam yang diamalkan di sekolah khususnya dalam konteks negara Malaysia ialah Zarina (2006) yang telah mengkaji tentang gelagat kepimpinan pengetua sekolah menengah telah mencadangkan supaya kajian tentang kepimpinan dari perspektif Islam diperluaskan ke sekolah rendah manakala Hailan (2010) yang mengkaji kepimpinan Islam atau 'Rabbani' dalam kalangan pengetua sekolah menengah agama di Malaysia mencadangkan supaya kajian yang melibatkan kepimpinan Islam di sekolah diberi perhatian dan diperbanyakkan. Kedua-dua cadangan berkenaan menunjukkan bahawa kepimpinan Islam dalam konteks sekolah perlu diberi perhatian disebabkan bilangannya yang agak terhad. Walau bagaimanapun, kajian ini agak berbeza dengan kajian Zarina (2006) dan Hailan (2010) dari tiga aspek, iaitu: (i) pengkaji mengkaji kepimpinan Islam di sekolah rendah; (ii) membandingkan kepimpinan Islam antara sekolah kebangsaan dan sekolah agama rakyat; dan (iii) mengkaji hubungan antara kepimpinan Islam dengan iltizam guru di kedua-dua sekolah berkenaan dari perspektif Islam. Selain jurang berkaitan kekurangan kajian tentang kepimpinan dan iltizam guru dari perspektif Islam di sekolah berbanding Barat, isu di sekolah yang berkaitan dengan kepimpinan Islam dan iltizam guru berdasarkan kajian ialah guru besar kurang mengamalkan kepimpinan Islam.

Menurut Rosnani (1998), sepatutnya pengetua dan dalam kajian ini guru besar mengamalkan nilai-nilai akidah dan akhlak Islam di sekolah. Selain itu, guru pula

tiada roh Islam dalam melaksanakan pekerjaan mereka khususnya dalam membentuk akhlak pelajar (Hailan, Rahimah, Zuraidah & Rofishah, 2012). Menurut Hailan et al. (2012) penekanan kepada roh Islam mampu melahirkan pelajar yang berjaya dalam pelajaran bertujuan untuk mendapat keredaan Allah semata-mata. Selain kepimpinan, kajian tentang iltizam dari perspektif Islam perlu dilakukan untuk membuktikan kenyataan Yousef (2001) yang menyatakan bahawa orang yang mempercayai dan mengamalkan agama Islam berpotensi lebih beriltizam terhadap organisasinya.

Kebanyakan kajian tentang iltizam pula banyak merujuk kepada konsep yang dibangunkan daripada ilmuwan Barat. Sebagai contoh, Singh dan Billingsley (1998) serta Somech dan Bogler (2002) mengkaji iltizam guru terhadap profesion keguruan, Kushman (1992) dan Park (2005) mengkaji iltizam guru terhadap murid, Morrow (1983), Reichers (1985) dan Meyer dan Allen (1997) serta Yousef (2000) mengkaji iltizam guru terhadap organisasi sekolah manakala Morrow dan Wirth (1989), Vandenberg dan Scarpello (1992) serta Lee, Carswell dan Allen (2000) mengkaji iltizam guru terhadap tugas mengajar.

Iltizam adalah satu konsep yang bersifat multidimensi dan menurut Louis (1991), iltizam perlu dilihat sebagai satu konsep yang bersepadu menggabungkan iltizam guru terhadap sekolah, murid, tugas mengajar dan profesion. Berasaskan kepada penerangan Louis (1991), Nordin (2008) telah mengkonsepsikan iltizam guru sebagai satu konstruk multidimensional dan mengkaji iltizam guru terhadap keempat-empat aspek tersebut iaitu organisasi, murid, tugas mengajar dan profesion keguruan secara bersepadu. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Nordin et al. (2010) melihat pengaruh budaya masyarakat berbilang budaya di

Malaysia terhadap iltizam guru melalui kepimpinan pemimpin sekolah dan persekitaran kerja di tiga jenis sekolah rendah di Malaysia iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Justeru, pemilihan konteks kajian ini agak berbeza daripada yang telah dijalankan oleh Nordin (2008) yang dapat memberikan satu pengetahuan yang baru tentang amalan kepimpinan Islam dan iltizam guru di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Agama Rakyat Swasta.

Menurut Geijsel et al., (2003) iltizam guru merupakan aspek utama kepada sekolah untuk melakukan pembaharuan. Banyak kajian di Barat membuktikan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara kepimpinan dengan iltizam (Geijsel et al., 2003; Goodwin et al., 2001; Judge & Bono, 2000; Krishnan, 2005; Yu et al., 2002). Walau bagaimanapun, model-model kepimpinan yang digunakan merupakan model yang berasaskan perspektif Barat misalnya kepimpinan transformasional (Bass, 1998; Bass & Avolio, 1993), kepimpinan karismatik (Conger & Kanungo, 1998) dan kepimpinan spiritual (Fry, 2003). Park (2005) dan Nordin et al. (2010) mengakui bahawa bilangan kajian empirikal tentang faktor yang mempengaruhi iltizam guru masih kurang. Justeru, kajian ini bertujuan mengisi kekurangan kajian dan secara khusus membuka ruang untuk mengkonsepsi dimensi kepimpinan Islam dan mengkaji hubungan dengan iltizam guru terhadap sekolah, murid, tugas mengajar dan profesion keguruan di sekolah rendah dari perspektif Islam di Malaysia.

1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkonsepsi, mengukur dan mengkaji perbezaan dan persamaan dimensi Kepimpinan Islam dan Iltizam Guru dan hubungan antara

kedua-dua konstruk ini di dua jenis sekolah bertaraf Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Agama Rakyat Swasta (SARS). Secara khusus objektif kajian ini adalah:

1. Membina instrumen yang mengukur Kepimpinan Islam Guru Besar dan Iltizam Guru di SK dan SARS.
2. Menentukan sama ada terdapat perbezaan antara amalan dimensi Kepimpinan Islam (wawasan, ihsan, musyawarah, muhasabah diri, adil, integriti) dalam kalangan Guru Besar di SK dan SARS.
3. Menentukan sama ada terdapat perbezaan antara amalan dimensi Iltizam Guru (kepada sekolah, murid, tugas mengajar, profesion) dalam kalangan guru di SK dan SARS.
4. Menentukan sama ada terdapat hubungan antara Kepimpinan Islam dalam kalangan Guru Besar di SK dan SARS dengan Iltizam Guru di SK dan SARS.

1.5 Soalan Kajian

Berasaskan kepada objektif kajian, dikemukakan soalan kajian ini.

1. Adakah item dan instrumen yang dibina untuk mengukur Kepimpinan Islam Guru Besar dan Iltizam Guru itu sah dan boleh dipercayai?
2. Adakah terdapat perbezaan antara amalan dimensi Kepimpinan Islam (wawasan, ihsan, muhasabah diri, musyawarah, adil, integriti) Guru Besar di SK dan SARS?

3. Adakah terdapat perbezaan antara amalan dimensi Iltizam Guru (kepada sekolah, murid, tugas mengajar, profesion) di SK dan SARS?

4. Adakah terdapat hubungan antara Kepimpinan Islam kalangan Guru Besar di SK dan SARS dengan iltizam guru di SK dan SARS?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan soalan kajian berkenaan, beberapa hipotesis kajian nol dibentuk. Antaranya ialah:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan dimensi Kepimpinan Islam (wawasan, ihsan, musyawarah, muhasabah diri, adil dan integriti) dalam kalangan Guru Besar di SK dan SARS.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan dimensi Iltizam Guru (kepada sekolah, murid, tugas mengajar dan profesion) di SK dan SARS.

Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi Kepimpinan Islam (wawasan, ihsan, musyawarah, muhasabah diri, adil dan integriti) dalam kalangan Guru Besar di SK dan SARS dengan Iltizam Guru (kepada sekolah, murid, tugas mengajar dan profesion) di SK dan SARS.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkonsepsi dimensi kepimpinan Islam berasaskan ciri-ciri kepimpinan yang dikemukakan oleh beberapa cendekiawan Islam dan menentukan sama ada terdapat hubungan dimensi kepimpinan sekolah dengan iltizam guru dari perspektif Islam menerusi perspektif guru di SK dan SARS.

Instrumen berkaitan ciri kepimpinan yang dibina berasaskan analisis terhadap konsep-konsep kepimpinan Islam yang dikemukakan oleh al-Mawardi (1996), al-Ghazali (1964), Ibn Taimiyah (1977), Ibn Khaldun (1980), Anisuzzaman dan Majumder (1996), Beekun dan Badawi (1999), Syed Muhammad Naquib dan Wan Mohd Nor (2007) serta Ali (2009). Instrumen tentang kepimpinan Islam dan iltizam guru yang dibina dari perspektif Islam ditadbirkan kepada para guru beragama Islam di dua jenis sekolah rendah iaitu SK yang terpilih di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak serta semua SARS di negeri-negeri berkenaan. Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan atas dasar berikut:

1. Dimensi Kepimpinan Islam yang dibina berdasarkan gabungan antara al-Quran, Hadis dan konsep-konsep kepimpinan daripada cendekiawan Islam akan menambahkan lagi pengetahuan tentang kepimpinan dari perspektif Islam dan keberkesanan amalannya dalam kalangan guru besar seluruh Malaysia serta pentadbir sekolah amnya.

2. Pembinaan instrumen bagi setiap dimensi Kepimpinan Islam dan Iltizam Guru menyumbang kepada perkembangan ilmu dan penyelidikan yang berasaskan kepada perspektif Islam.

3. Dapatan tentang hubungan dimensi Kepimpinan Islam dan Iltizam Guru dapat diketengahkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia agar dapat dipraktikkan dalam kalangan pentadbir sekolah yang beragama Islam.

4. Dimensi kepimpinan Islam dan iltizam guru yang disertakan ayat-ayat al-Quran dan Hadis serta dikaji secara empirikal dapat meyakinkan kalangan pentadbir sekolah beragama Islam untuk mempraktikkannya.

1.8 Limitasi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji terpaksa membataskan kajian ini kepada perkara, iaitu:

1. Kajian ini hanya dijalankan ke atas sampel yang beragama Islam. Dalam hal ini, jenis sekolah SK dan SARS dipilih kerana majoriti sampel di SK beragama Islam dan di SARS pula semuanya beragama Islam. Guru yang bukan beragama Islam tidak diambil sebagai sampel dalam kajian ini. Justeru, penilaian terhadap dimensi Kepimpinan dan Iltizam Guru dilakukan oleh guru yang beragama Islam di kedua-dua jenis sekolah tersebut.

2. Kajian ini hanya dijalankan dalam kalangan jenis sekolah SK dan SARS di negeri-negeri yang terletak di utara Semenanjung Malaysia iaitu Perlis, Kedah, Pulau

Pinang dan Perak. Hal ini kerana kekangan masa dan mengelakkan kos yang amat tinggi sekiranya kajian dijalankan di seluruh Malaysia.

3. Populasi sasaran kajian ialah guru beragama Islam di jenis sekolah SK sahaja bagi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Jenis sekolah yang majoriti guru beragama Islam seperti Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK), Sekolah Kebangsaan Khas (SKK), dan Sekolah Kebangsaan Asli (SKA) dikecualikan dalam kajian. Jumlah populasi sasaran tidak diberikan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (BPPDP) kerana dikhuatiri menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat di Malaysia yang mungkin menganggap SRK, SKK, dan SKA bukan dalam kumpulan Kebangsaan. Hal ini bertepatan dengan Akta Pendidikan 1996 yang meletakkan semua jenis sekolah iaitu SK, SRK, SKK, dan SKA dalam kumpulan Kebangsaan. Justeru, berdasarkan data senarai nama sekolah daripada BPPDP setakat 31 Mei 2011, pengkaji hanya memilih jenis sekolah SK menurut tafsiran pengkaji sahaja.

4. Kepimpinan Islam yang dipilih berkisar pada konsep yang dikemukakan oleh cendekiawan Islam terkemuka, iaitu: (i) al-Mawardi bertajuk *'The Ordinances of Government'* (1996) terjemahan daripada *'Al-Ahkam al-Sultaniyya w'al-Wilayat al-Diniyya'*; (ii) al-Ghazali bertajuk *'Ghazali's Book of Counsel for Kings'* (1964) terjemahan daripada *'Nasihat al-Muluk'*; (iii) Ibn Taimiyah bertajuk Pedoman Islam Bernegara (1977) terjemahan daripada *'Assiyaasatus Syar'yyah Fie Ishlaahir Raa'ie War Ra'iyyah'*; (iv) Ibn Khaldun bertajuk *'Ibn Khaldun: The Muqaddimah: An Introduction to History'* (1980) terjemahan daripada *'Muqaddimah'*; (v) Anisuzzaman dan Majumder bertajuk *'Leadership western and Islamic: A*

conceptual and an explorative study' (1996), (vi) Beekun dan Badawi bertajuk '*Leadership: An Islamic perspective*' (1999), (vii) Syed Muhammad Naquib dan Wan Mohd Nor bertajuk '*The ICLIF Leadership Competency Model (LCM): An Islamic alternative*' (2007) serta (viii) Ali bertajuk '*Islamic perspectives on leadership: A model*'. (2009). Kesemua konsep ini berpandukan al-Quran dan Hadis.

Justifikasi terhadap cendekiawan berkenaan adalah kerana kesemua cendekiawan tersebut menyentuh tentang kepimpinan Islam berpandukan al-Quran dan Hadis sehinggakan sebahagian besar cendekiawan ini diiktiraf sebagai tokoh agung misalnya al-Mawardi, al-Ghazali, Ibn Taimiyah dan Ibn Khaldun. Ahmad (1988), menyifatkan al-Ghazali dan Ibn Taimiyah sebagai tokoh guru, ahli hukum dan, pemimpin agama, al-Mawardi sebagai tokoh pemikir dan ilmuwan manakala Ibn Khaldun sebagai sejarawan. Malah sebahagian cendekiawan lagi merujuk kepada karya-karya agung berkenaan sebagai bahan penting selepas al-Quran dan Hadis. Anisuzzaman dan Majumder (1996) menyifatkan al-Mawardi, al-Ghazali, Ibn Taimiyah, dan Ibn Khaldun sebagai cendekiawan Islam dalam bidang kepimpinan. Malah Mohamad Nasrin dan Mohd Rushdan (2012) turut menyenaraikan al-Mawardi, Ibn Taimiyah, dan Ibn Khaldun sebagai sarjana terkemuka tentang kepimpinan Islam. Syed Muhammad Naquib dan Wan Mohd Nor (2007) ada merujuk kepada karya al-Ghazali, Ibn Taimiyah dan Ibn Khaldun, iaitu berdasarkan tajuk yang sama yang dikaji oleh pengkaji. Ali (2009) pula ada merujuk kepada Ibn Khaldun iaitu sama seperti tajuk yang dikaji oleh pengkaji.

1.9 Definisi Istilah dan Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang perlu diperjelaskan, iaitu:

1.9.1 Sekolah

a. Sekolah Kebangsaan (SK)

Sekolah Kebangsaan (SK) merujuk kepada sekolah rendah di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sekolah Kebangsaan (SK) yang akan dipilih dalam kajian ini pula mestilah diketuai oleh Guru Besar yang beragama Islam sahaja. Definisi SK tidak termasuk Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK), Sekolah Kebangsaan Khas (SKK), dan Sekolah Kebangsaan Asli (SKA).

b. Sekolah Agama Rakyat Swasta (SARS)

Sekolah Agama Rakyat Swasta (SARS) merujuk kepada Sekolah Rendah Agama (SRA) yang ditadbir oleh individu atau pihak swasta tetapi diselia oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri (JHEAIN) bagi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Guru Besar dan guru-guru pula beragama Islam.

1.9.2 Iltizam

Iltizam mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan komitmen. Namun, secara operasionalnya iltizam dalam Islam bersifat keagamaan kerana dikaitkan dengan usaha melakukan sesuatu pekerjaan atau tugas dengan tujuan mendapat keredaan Allah berbanding komitmen dari perspektif Barat yang bermatlamat menepati

kehendak organisasi semata-mata. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengguna pakai istilah iltizam. Memandangkan kajian tentang iltizam menurut Islam adalah amat kurang, justeru pengkaji menggunakan kajian tentang komitmen dari perspektif Barat sebagai sokongan kepada kajian ini. Dalam kajian ini, Becker (1960) yang menghasilkan teori 'pertaruhan sampingan' merumuskan bahawa komitmen atau iltizam terhasil apabila faktor sampingan diamalkan dalam sesebuah organisasi dan sebagainya. Seterusnya berdasarkan kajian Nordin (2008), iltizam dari perspektif Barat terbahagi kepada empat dimensi. Walau bagaimanapun, setiap dimensi dioperasionalisasikan menurut perspektif Islam seperti berikut:

a. Iltizam kepada Sekolah

Iltizam guru terhadap sekolah dioperasionalisasikan sebagai guru yang bersungguh-sungguh, ikhlas, taat dan konsisten merealisasikan wawasan dan menjaga nama baik sekolah, kekal berkhidmat, mempraktikkan nilai-nilai dan etika kerja Islam ke dalam diri.

b. Iltizam kepada Murid

Iltizam guru terhadap murid dioperasionalisasikan sebagai kesungguhan, ikhlas, taat dan konsisten untuk meningkatkan penglibatan murid dalam pelajaran, pencapaian akademik dan pementapan akhlak.

c. Iltizam kepada Tugas Mengajar

Iltizam guru terhadap tugas mengajar dioperasionalisasikan sebagai kesungguhan mengajar murid-murid dengan penuh ikhlas, taat dan konsisten.

d. Iltizam kepada Profesion

Iltizam guru terhadap profesion dapat dioperasionalisasikan sebagai kesungguhan menambah ilmu dan menyebarkannya kepada guru-guru lain dengan ikhlas, taat dan konsisten.

1.9.3 Kepimpinan Islam

Kepimpinan Islam dari segi istilahnya merujuk kepada kepimpinan yang bertunjangkan kepada al-Quran dan Hadis. Dalam kajian ini, kepimpinan Islam merujuk kepada konsep kepimpinan yang dibincangkan oleh lapan orang cendekiawan Islam seperti di topik 2.5 (ms 45), iaitu:

- a. Al-Mawardi dalam *'The Ordinances of Government'* (1996)
- b. Al-Ghazali dalam *'Ghazali's Book of Counsel for Kings'* (1964)
- c. Ibn Taimiyah dalam *Pedoman Islam Bernegara* (1977)
- d. Ibn Khaldun dalam *'Ibn Khaldun: The Muqaddimah: An Introduction to History'* (1980)
- e. Anisuzzaman dan Majumder bertajuk *'Leadership western and Islamic: A conceptual and an explorative study'* (1996)
- f. Beekun dan Badawi bertajuk *'Leadership: An Islamic perspective'* (1999)
- g. Syed Muhammad Naquib dan Wan Mohd Nor bertajuk *'The ICLIF Leadership Competency Model (LCM): An Islamic alternative'* (2007)
- h. Ali bertajuk *'Islamic perspectives on leadership: A model'*. (2009)

1.9.4 Dimensi Kepimpinan Islam

Dimensi kepimpinan Islam merujuk kepada ciri-ciri pemimpin (Guru Besar) di SK dan SARS dari perspektif Islam. Dimensi berkenaan seperti diterangkan dalam Jadual 2.2 (ms 101) dioperasionalisasikan seperti berikut:

- a. Adil-Dalam kajian ini, pemimpin yang adil bermaksud guru besar yang seimbang dalam tindakan, tidak menyebelahi mana-mana guru, tidak berat sebelah dalam pemberian tugas dan ganjaran, meletakkan guru di tempat yang betul dan sepatutnya iaitu meletakkan guru dalam tugas ikut kebolehan atau kepakarannya dan melaksanakan keputusan atau hukuman dengan saksama iaitu mengikut jenis kesalahan yang dilakukan.
- b. Wawasan- Wawasan dalam kajian ini merujuk kepada amalan guru besar yang berpandangan jauh, memiliki visi, misi dan perancangan yang mantap iaitu jelas, memberangsangkan, mudah difahami, menepati kehendak pengikut, realistik, idea yang jujur dan bermanfaat kepada semua.
- c. Ihsan – Dalam kajian ini, ihsan dianggap sebagai amalan guru besar yang mengasihani dan memahami guru-gurunya, bertoleransi, bertimbang rasa, lemah-lembut, pemaaf, penyabar, melayan dengan mesra, prihatin dan kasih sayang.
- d. Integriti – Integriti bermaksud amalan kepimpinan guru besar yang mengamalkan ketelusan, melakukan kerja yang sah di sisi agama dan betul dari segi peraturan kerja, tidak menipu, boleh dipercayai, bercakap benar, jujur, amanah, menepati janji,

tidak bertanggung, tidak hipokrit, menjaga kerahsian dan menjadi contoh kepada guru-guru.

e. Muhasabah Diri- Muhasabah diri dalam kajian ini merujuk kepada amalan guru besar yang berusaha memperbaiki diri dengan sentiasa melihat kepada kelemahan diri, mengakui kesilapan, dan seterusnya membetulkan kesilapan tersebut.

f. Musyawarah- Musyawarah dalam kajian ini bermaksud amalan guru besar yang mengamalkan perundingan dua hala dengan guru dalam suasana penuh mesra, dan hormat-menghormati untuk menyelesaikan semua isu yang berbangkit sama ada besar atau kecil selagi tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan seterusnya bertawakal kepada Allah apabila keputusan telah dibuat.

1.10 Rumusan

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkonsepsi Dimensi Kepimpinan Islam serta menentukan sama ada terdapat hubungan antara dimensi kepimpinan Islam dengan iltizam guru. Dalam hal ini, kajian akan dimulakan dengan menganalisis konsep kepimpinan yang dikemukakan oleh lapan orang cendekiawan Islam dan seterusnya berdasarkan persamaan dan perbezaan yang dikemukakan, pengkaji akan mengkonsepsikan dimensi kepimpinan Islam 2011. Daripada konsep-konsep yang dikonsepsikan ini, enam dimensi kepimpinan Islam dikenal pasti untuk disahkan secara empirikal. Seterusnya pengkaji akan menentukan sama ada terdapat hubungan antara dimensi kepimpinan dalam kalangan guru besar dengan iltizam guru kepada sekolah, murid, tugas dan profesion di SK, dan SARS dari perspektif